

07/11/1997

MT bincang kedudukan ahli Parlimen

reports on "Dewan Rakyat" by Radzi Wahab; Bakhari Ariff
KUALA LUMPUR, Khamis - Iltizam politik diperlukan untuk meminta semua Menteri Besar mengubah kedudukan ahli Parlimen dalam majlis protokol, kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Nazri Abdul Aziz.

Sehubungan itu, menurutnya, perkara berkenaan akan dibangkitkan dalam mesyuarat ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dengan Menteri Besar adalah ahli MT.

"Bagaimanapun, kelulusan perubahan kedudukan ahli Parlimen itu terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan sultan dan tidak boleh melalui perundangan di peringkat pegawai kerajaan negeri," katanya.

Ketika menggulung perbahasan Belanjawan 1998 peringkat jawatankuasa bagi Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Dewan Rakyat hari ini, beliau berkata sesetengah negeri meletakkan kedudukan ahli Parlimen lebih tinggi daripada pegawai daerah.

Di Johor, misalnya, kedudukan ahli Parlimen berada di nombor 10 dan pegawai daerah di nombor 16, manakala di Negeri Sembilan, kedudukan ahli Parlimen ditetapkan di nombor 16 sedangkan pegawai daerah, nombor 18.

"Di peringkat Pusat pula, Ketua Setiausaha Negara (KSN) boleh berada dalam mesyuarat Kabinet dan Timbalan Menteri tidak diizinkan, walaupun pandangan biasa Timbalan Menteri lebih tinggi daripada KSN.

"Bagaimanapun, pada peringkat negeri, ahli Parlimen termasuk Timbalan Menteri lebih rendah kedudukannya berbanding Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco)," katanya.

Sebelum itu, Datuk Badruddin Amiruldin (BN-Yan) meminta JPM membuat satu peraturan khusus terhadap kedudukan setiap ahli Parlimen yang menghadiri majlis protokol.

Beliau berkata, kedudukan ahli Parlimen dalam setiap majlis protokol setakat ini disamatarafkan dengan kedudukan penghulu, khususnya majlis yang dianjurkan kerajaan negeri.

"Sebagai seorang ahli Parlimen, kita perlu merendahkan diri sama seperti orang kebanyakan. Tetapi, jika kedudukan kami dalam majlis rasmi tidak dihormati, orang ramai seperti tidak menghormati ahli Parlimen," katanya.

Justeru itu, beliau mencadangkan JPM membawa perkara ini ke peringkat mesyuarat Majlis Raja-Raja.

Cadangan Badruddin itu turut disokong Wan Hanafiah Wan Mat Saman (BN-Pokok Sena) dengan menekankan setiap ahli Parlimen mewakili 100,000 orang dan lantaran itu mereka perlu dihormati dari segi kedudukan.

(END)